

Praktis 5: Kata Kerja (Kata Kerja Tak Transitif dan Kata Kerja Transitif)

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. Garisi kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) "Bila awak hendak telefon pusat hrisyen itu?" tanya ibu kepada ayah.

- (ii) "Saya harap agar awak memepati janji untuk memulangkan buku saya nanti," kata Suresh.

- (iii) Hadi dan rakannya duduk di warung sambil minum dan bincang tentang projek yang diusahakan.

- (iv) Badan budak itu lecur akibat terkena air panas.

- (v) Jangan bohong kepada saya kerana saya sudah tahu akan hal yang sebenarnya.

- (vi) Ibu dan ayah senyum apabila melihat Kamarul yang menerima anugerah daripada pengetua.

- (vii) "Danial, Cikgu Manisah minta supaya kamu mengikut saya untuk berjumpa dengannya di bilik guru," kata Bukhari.

- (viii) Kita hendaklah mengamalkan sikap kerjasama dalam setiap tugas berkumpulan.

Praktis 6: Kata Keterangan

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. Garisi kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Abang akan berangkat ke luar negara semalam untuk melanjutkan pengajiannya.

- (ii) "Saya tidak ke laman sosial, tetapi membuat rujukan melalui internet," kata Ding Chuen.

- (iii) Rashid sangat simpati sekali akan kesusahan yang ditanggung oleh warga emas itu.

- (iv) "Para pelajar diminta menghadirkan diri lebih awal supaya program tersebut dapat berjalan begitu lancar," kata Cikgu Selena.

- (v) Mak Lang asyik berkunjung ke rumah nenek kerana risau akan keadaan nenek yang uzur.

- (vi) Anak Pak Ishak merupakan gadis yang paling tercantik di Kampung Sentosa.
